

# Berfikir dinamik jadi penentu kejayaan Melayu

UM 23 JUN 200

KUALA LUMPUR, 22 Jun — Cara berfikir yang betul dan dinamik serta perancangan berkesan akan menjadi penentu kejayaan orang Melayu pada masa depan.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, walaupun orang Melayu diiktiraf sebagai sebuah bangsa yang baik tetapi kejayaan tidak akan muncul jika tidak mempunyai perancangan dan cara berfikir yang diperlukan untuk menuju kejayaan.

“Begitu juga UMNO. Walaupun UMNO adalah parti yang baik, kalau perancangannya tidak baik, belum tentu boleh berjaya,” katanya dalam ucapan penggulungan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Menurut Najib, perkara itu juga pernah ditegaskan oleh pemimpin ulung Islam, Saidina Ali bahawa perjuangan pihak yang benar dan baik boleh ditewaskan seandainya perancangan pihak yang jahat adalah lebih baik.

Justeru, beliau menyifatkan ucapan dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebanyak 67 muka surat dan mengambil masa selama satu jam 55 minit adalah perancangan UMNO untuk mencapai kecermerlangan bangsa.

Apa yang perlu kini katanya, ialah perubahan sikap dan budaya serta cara berfikir yang betul.

Katanya, ramai perwakilan yang berbahas dalam perhimpunan kali ini menyedari tentang kepentingan untuk berubah dan berusaha lebih gigih dan beliau berharap ia dapat dilaksanakan.

“Kalau kita berfikir dengan cara yang betul dan dinamik, tidak ada sebab orang Melayu tidak boleh berjaya dan cemerlang,” katanya.